

# Ikan lumba-lumba terdampar

Sinar Harian 14/12/2019 m/s 34

FOTO: UMT

Tujuh pelajar  
UMT bantu  
haiwan  
mamalia itu  
kembali ke laut

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Tujuh pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berjaya menyelamatkan seekor ikan lumba-lumba yang terdampar di Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus kelmarin.

Mohd Nur Aiman Suhaimi, 23, berkata, penemuan ikan daripada spesies lumba-lumba muncung panjang atau nama saintifiknya, *Stenella longirostris* sekitar jam 1.30 tengah hari itu disedari penduduk kampung yang sedang membuat

at persiapan membuka kedai berhampiran lokasi kejadian.

Pelajar tahun akhir Sarjana Muda Sains (Biologi Marin) itu berkata, setelah mendapat maklumat, rakannya yang sedang bercuti menghubunginya agar segera menyelamatkan spesies jarang ditemui itu.

"Ketika itu saya sedang buat projek tahun akhir di makmal fakulti, kawan beritahu ikan itu masih boleh diselamatkan, jadi kami terus bergegas ke sana," katanya kepada *Sinar Harian* ketika dihubungi semalam.

Menurutnya, sebaik tiba, ikan lumba-lumba terbabit kelihatan agak lemah, namun dilihat masih berusaha kembali semula ke laut.

Kumpulan pelajar berkenaan kemudian membasahkan ikan tersebut sebagai usaha menyelamatkannya sehingga ia memberi tindak balas po-



Mohd Nur Aiman menyelamatkan ikan lumba-lumba yang ditemui terdampar di Pantai Tanjung Gelam, Kuala Nerus tengah hari kelmarin.

sifit dengan meronta-ronta untuk berenang.

"Kemudian saya dan kawan angkat ikan lumba-lumba dan berusaha lepaskan ke tempat yang lebih dalam," katanya yang gembira dapat menyelamatkan haiwan berkenaan

dan menganggarkan ia bukan ikan lumba-lumba dewasa.

Selain Mohd Nur Aiman, enam rakan lain yang turut membantu ialah Akalili Zanudin, Wan Amirul Syafiq Wan Nazari, Syakirah Sukery, Farah Sya-

hirah Ishak, Syafiqah Nabila Mutalib dan Nur Aini Othman.

Mohd Nur Aiman berkata, dia tidak pasti punca sebenar ikan itu terdampar, namun tidak menolak kemungkinan faktor arus kuat atau mengalami ke-

## *Stenella longirostris*

- Spesis lumba-lumba kecil jenis bergigi yang banyak terdapat di perairan tropika di luar pantai
- Terkenal dengan aksi akrobatiknya yang gemar berputar dan melonjak ke udara.

cederaan.

"Ini kali pertama kami berdepan dengan situasi begini dan saya tak ingin lagi jumpa ikan lumba-lumba atau mana-mana hidupan laut dalam keadaan sebeginitu lagi.

"Nasihat saya, kalau jumpa haiwan terdampar yang masih bernyawa, lebih baik selamatkan dengan cepat tetapi kalau sudah tidak bernyawa dan cedera parah, segera laporan kepada pihak berkuasa untuk tindakan lanjut," katanya.